



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN  
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN  
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800  
Fax : 06-7619027  
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan>

Ruj. Kami : ANM (A) NS.003 Jld.23( 22 )

Tarikh : 04 Ogos 2020

**PENGARAH  
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
SEMUA PUSAT PEMBAYAR  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato' / Tuan,

**PENYEDIAAN SIJIL PENGESAHAN BAKI DAN PENYATA PENYESUAIAN  
VOT, AKAUN TERIMAAN DAN AKAUN DEPOSIT BAGI BULAN JULAI 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara (JANM) telah mengeluarkan

- a) **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Vot**
- b) **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Terimaan**
- c) **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Deposit**

3. PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki dan mengemukakan kepada AO **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.**

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dikehendaki untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot, Akaun Terimaan dan Akaun Deposit dan Penyata Penyesuaian (jika berkaitan) secara *hardcopy* ke Unit Akaun, JANM Negeri Sembilan **sebelum atau pada 14 OGOS 2020**. Format penyediaan Sijil Pengesahan Baki boleh dimuat turun di portal JANM ([www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)) di ruangan pekeliling. Surat makluman ini boleh dimuat turun di portal JANMNS.

5. Sekiranya tiada transaksi pada bulan **JULAI 2020**, pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk memaklumkan Jabatan ini **secara bertulis**. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan bolehlah menghubungi pegawai berikut:

